

Headline	Wanita warga emas patah paha kanan disamun lelaki menyamar		
MediaTitle	Kosmo		
Date	03 Nov 2018	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Negara	Page No	12
ArticleSize	235 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,366		



## Wanita warga emas patah paha kanan disamun lelaki menyamar pekerja TNB

**SEBERANG PERAI** – Seorang wanita warga emas patah paha kanan selepas disamun seorang lelaki yang menyamar sebagai pekerja Tenaga Nasiona Berhad (TNB) dalam kejadian di Pajak Song, Kepala Batas di sini kelmarin.

Kejadian kira-kira pukul 11.15 pagi itu berlaku ketika mangsa yang berusia 78 tahun berada di rumahnya seorang diri sebelum didatangi suspek berusia 60 tahun yang menaiki sebuah kereta Perodua Axia berwarna perak.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, suspek kemu-

dian memperkenalkan diri sebagai pekerja TNB dan memaklumkan ingin menjemput mangsa dan suaminya ke sebuah kenduri doa selamat.

"Pada masa sama, suspek telah meminta air sebelum bertindak menyerang mangsa dengan menolak wanita itu sehingga terjatuh.

"Mangsa kemudian menyedari rantai emasnya telah diragut suspek sehingga dia kerugian kira-kira RM5,000," katanya di sini semalam.

Menurut beliau, bertindak atas laporan, sepasukan polis berjaya menahan suspek tujuh jam kemudian di sekitar daerah ini.

Jelasnya, siasatan mendapati

suspek terlibat dalam empat kes jenayah di sekitar daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan selain di Kulim, Kedah.

"Suspek menggunakan modus operandi memperkenalkan diri sebagai pekerja TNB, berpura-pura mengenali mangsa dan menjemput mangsa menghadiri kenduri di rumahnya sebelum melakukan perbuatan jenayah," katanya.

Noorzainy berkata, hasil tangkapan itu, pihaknya turut merampas pelbagai barang termasuk kereta Perodua Axia, pakaian dan kopiah yang dipereyayi digunakan semasa menyamun.



ANTARA barangan milik suspek yang dirampas selepas menyamun warga emas di Pajak Song, Kepala Batas kelmarin.